

# Selawat limpahkan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan kuliah tersebut.

## Dari muka 1

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan kuliahnya

sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah antara lain berkata, kerana selawat, rahmat Allah turun, dan diikuti pula, tiada satu pun daripada isi langit dan bumi, melainkan semuanya itu

akan berselawat (mendoakan) siapa yang berselawat.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan rahmat Allah, tidak siapa yang mampu menghitungnya. Demikian juga dengan nilai doa segala isi langit dan bumi, tidak boleh untuk dikira-kira nilainya.

"Tidak teringinkah kita untuk meraih 'keuntungan besar' berupa rahmat Allah dan berupa doa segala isi langit dan bumi ini?"

"Cuma dengan berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja. Apa jua jenis selawat, walaupun hanya selawat pendek, seperti 'Allahuma Shali' Ala Sayyidina Muhammad Wa 'Ala Ali Sayyidina Muhammad'," katanya.

Yang Berhormat Pehin juga mengajak para jemaah yang hadir di Masjid Omar 'Ali Saifuddin itu untuk sama-sama membaca Selawat at-Tafrijiah atau Nariyah (selawat penyelamat atau dipanggil juga selawat api kerana cepat mujarabnya apabila diamalkan).

"Alhamdulillah, dengan selawat beramai-ramai ini, insyaaAllah, rahmat Allah Ta'ala turun dan doa para Malaikat di langit juga sudah

berlaku untuk kita. Para Malaikat itu berdoa : "Ya Allah, ya Tuhan! Ampunkanlah mereka yang berselawat ini."

"Allahuakbar! Doa Malaikat bukan barang murahan, saudara! Doa mereka tajam kerana mereka itu hamba yang suci, tidak berdosa dan tidak melakukan maksiat. Mereka hamba yang tidak putus-putus bertasbih membesarkan Allah."

Yang Berhormat Pehin seterusnya menerangkan kelebihan Selawat Tafrijiah antaranya ialah tidak syak lagi adalah penawar besar : Penawar dukacita, penawar kemiskinan, kubu untuk menolak bencana, pembuka pintu doa untuk cepat sampai ke hadrat Allah, malah ubat fizikal menyembuhkan penyakit.

Rahmat jelasnya, tidak nampak dan begitu juga kesan doa para Malaikat dan lain-lain makhluk yang mendoakan kita itu kerana ia tetap akan jadi rahsia Allah. Jika orang nampak rahmat, nampak berkat, nescaya semua orang tidak mahu membuat kerja lain, melainkan hanya kerja yang boleh menghasilkan rahmat dan berkat sahaja, seperti berselawat sepanjang masa. Dan mungkin



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan kuliah.

juga, makan pun orang boleh tinggal untuk mengejar rahmat dan berkat itu.

Namun, Yang Berhormat Pehin menerangkan orang-orang beriman yang benar-benar memahami dan mengetahui kedudukan perkara ini, mereka itu sama sekali tidak akan mensia-siakan kesempatan untuk memperbanyakkan zikir, sama ada berupa tasbih, tahlil, tahmid, selawat dan lain-lain.

Yang Berhormat Pehin juga menerangkan mengenai Allah menyeru kita untuk bertasbih banyak-banyak sama ada pagi dan petang berikutan ganjaran kelebihan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

At-Tarmidzi meriwayatkan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Barang siapa berkata 'Subhanallah', gugur daripadanya segala dosa seperti gugur daun-daun kayu daripada pohonnya."



ANTARA jemaah perempuan yang turut sama hadir pada kuliah berkenaan.

## BruHAS 2019 tampilkan lebih 100 peserta pameran

Siaran Akhbar : Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 November. - Lebih daripada 100 peserta pameran yang terdiri daripada syarikat dan agensi kerajaan dijangka menyertai BruHAS 2019 yang akan diadakan dari 11 hingga 15 November 2019 di BRIDEX Hall 2, Jerudong.

Dianjurkan oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (MEMI) dengan sokongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan sokongan rakan strategiknya termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Kesihatan sebagai rakan strategiknya.

Acara tersebut turut disokong oleh Darussalam Enterprise (DARE) dan Laksamana College of Business (LCB).

BruHAS 2019 adalah Pameran Halal Brunei yang terbesar yang bertujuan untuk menghubungkan sektor Halal bersama agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan dengan penggerak industri, akademik dan usahawan dengan mengongsikan berkongsi penemuan akademik terkini dan amalan terbaik industri, sambil menyediakan platform untuk usahawan Industri Halal mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing.

Laporan Ekonomi Islam Global 2018/2019 telah memperlihatkan bahawa potensi pasaran Islam akan mencapai USD3 trilion menjelang

tahun 2022, yang menunjukkan permintaan yang kukuh untuk produk dan perkhidmatan halal di pasaran global.

Seramai 1.6 bilion penduduk Islam di seluruh dunia telah mencetuskan peluang baharu kerana produk halal diperakui dan didagangkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Ini secara tidak langsung memberi peluang besar kepada para Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan untuk meneroka pasaran halal.

Dengan memanfaatkan angka ini, BruHAS 2019 akan menampilkan pameran produk dan perkhidmatan Halal, Seminar Antarabangsa ke-4 mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban (SAPPHAT IV), yang merangkumi Forum BruHAS, klinik BruHAS dan juga sesi Business Matching sebagai sebahagian daripada usaha

berterusan untuk menyediakan sokongan kepada PKS tempatan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka, sambil menyediakan rangkaian perniagaan terbuka dan kerjasama dengan peserta industri halal tempatan dan antarabangsa.

SAPPHAT IV anjuran UNISSA akan berlangsung pada 11 dan 12 November 2019 yang akan disertai oleh akademik tempatan dan antarabangsa.

Forum BruHAS juga akan diadakan sebagai sebahagian daripada SAPPHAT IV. Bertemakan 'Enhancing Halal Hub Sustainability through Halalan Thayyiban Products and Services', forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai produk dan perkhidmatan Halalan Thayyiban.

Sementara itu, Klinik BruHAS yang akan diadakan pada 14 November 2019 bertujuan sebagai

penyelesaian untuk pertanyaan daripada peniaga tempatan dan juga antarabangsa mengenai industri halal termasuk permit dan pengesahan halal, pembungkusan dan keselamatan makanan.

Agensi yang menyokong klinik BruHAS termasuk Bahagian Kawalan Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Jabatan Perkhidmatan Sainifik dari Kementerian Kesihatan; Bahagian Kawalan Makanan Halal dari KHEU, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dari KSSUP dan UNISSA.

Diadakan buat kali ketiga, BruHAS adalah kerjasama antara MEMI dan UNISSA dalam meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan industri halal dan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Tahun lepas, BruHAS telah menarik lebih daripada 10,000 pengunjung.